

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 14 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah terdapat kajian peringkat Kementerian untuk menaikkan harga rokok sebanyak 100% sebagai langkah mengurangkan masalah merokok berbanding dengan perbelanjaan kempen iklan seperti 'Tak Nak Merokok' yang hanya dilihat menguntungkan syarikat pengiklanan sahaja dan sejauh manakah kempen anti merokok Kementerian berjaya mengurangkan tabiat merokok di kalangan rakyat setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) cukai rokok adalah satu mekanisme yang sangat efektif di dalam membantu mengurangkan gejala merokok. Selari dengan pandangan WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) yang telah mensasarkan agar kadar cukai rokok

dinaikkan sehingga sekurang-kurangnya 70% daripada harga jualan runcit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menggesa Kerajaan agar meningkatkan cukai rokok di Malaysia. Kajian yang dilakukan baru-baru ini oleh pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan bahawa tahap pencukaaian rokok di Malaysia masih lagi tidak anjal bagi mendapatkan kesan maksimum mengurangkan kebolehdapatan rokok oleh perokok. Kajian tersebut merumuskan bahawa masih terdapat ruang untuk meningkatkan cukai rokok bagi mencapai impak yang berkesan kepada perokok dan mencegah mereka yang ingin merokok.

Sekiranya, cukai rokok ditingkatkan daripada nilai cukai semasa, pihak KKM akan meningkatkan usaha pemantauan dan pencegahan penggunaan rokok haram yang berasa di dalam pasaran.

Kempen Tak Nak Merokok dilaksanakan oleh KKM telah berjaya meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan rakyat tentang bahaya rokok. Satu kajian keberkesanan kempen media 'Tak Nak Merokok', yang dijalankan pada tahun 2010 kepada 4,500 orang menunjukkan:

- i. 91% responden telah **terdedah kepada mesej kempen;**
- ii. 99% responden yang terdedah telah **memahami mesej kempen** yang disampaikan;
- iii. 91% responden (bukan perokok) yang terdedah kepada kempen telah **menyatakan hasrat** untuk bebas dari asap rokok;
- iv. 78% daripada responden (perokok) **berhasrat berhenti merokok;**

- v. 35% responden (bukan perokok) yang terdedah kepada kempen telah **mengambil tindakan** bagi melahirkan hak untuk bebas daripada asap rokok; dan
- vi. 59% daripada responden (perokok) telah **mengambil inisiatif** sendiri untuk berhenti merokok.

KKM memandang serius gejala merokok di Malaysia. Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan ke arah mengurangkan budaya amalan merokok yang boleh mendatangkan pelbagai masalah dari segi kesihatan di kalangan rakyat di Malaysia